

# Kerajaan diminta bina tebingan di pekan Batu Niah

**MIRI:** Pembinaan tebingan di pekan Batu Niah yang dianggarkan bernilai RM12 juta merupakan antara dua projek baharu permintaan rakyat yang dicadang dibangunkan di kawasan Parlimen Sibuti.

Penduduk juga mahu projek naik taraf jalan di Kuala Niah khususnya di laluan kerap banjir sepanjang tiga kilometer bernilai 1.5 juta segera dilaksanakan.

Hasrat penduduk itu disampaikan Ahli Parlimen Sibuti Lukanisman Awang Sauni kepada Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan untuk dikemuka dan diluluskan oleh Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Lukanisman berkata, kerajaan negeri telah meluluskan projek pembinaan tebingan di Bekenu yang berjaya menambah tarikan pekan dan kemeriahan sukan air.

"Ada yang disebut telah diluluskan Yang Amat Berhormat (Abang Jo) kecuali Tebingan Batu Niah.

"Akan saya sampaikan hasrat rakyat untuk mendapatkan Tebingan Batu Niah," jelas Awang Tengah semasa merasmikan Majlis Melanggar Meja dan Ramah-Tamah Hari Raya Aidilfitri di Bekenu malam kelmarin.

Awang Tengah yang juga Menteri Perindustrian dan Pembangunan Keusahawanan berkata, sebagai pengerusi Jawatankuasa Task Force Bekalan Air dan Elektrik Sarawak, beliau akan memastikan projek yang dilulus segera dibangunkan.

Ini termasuk mempercepat

permohonan tender bekalan air luar bandar untuk Kampung Lajong, Rumah Mandau dan Rumah Ngayum serta permohonan bekalan elektrik untuk rumah panjang dan individu di Sibuti yang telah dikemukakan kepada Kementerian Utiliti Sarawak.

"Kerajaan negeri telah memperuntukkan untuk bekalan air sebanyak RM2.8 bilion dan untuk elektrik sebanyak RM2.3 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun.

"Saya minta agar projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan cepat dan kita berusaha pantau dari segi pelaksanaannya kelak," jelasnya yang juga Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua.

Sejumlah 95 peratus kediaman di Parlimen Sibuti termasuk daerah Subis, DUN Bekenu dan Lambir disasarkan menikmati bekalan elektrik daripada projek rakyat itu.

Untuk pembangunan golongan belia, kerajaan diminta merancang penganjuran program membina jati diri belia termasuk usaha menjana pendapatan.

Kerajaan juga dicadang membina litar permotoran di Sibuti dalam usaha menjadikan bahagian Miri pusat permotoran utama di utara Sarawak.

Lukanisman turut meluahkan kebimbangan tentang gejala penyalahgunaan dadah yang kini menular ke kawasan luar bandar.

Usaha bersepadu melibatkan kerjasama semua pihak penting untuk memerangi gejala tersebut daripada terus menjadi perosak dan pemusnah anak bangsa.

UTUSAN KORNBO @ LAMIN, 24 JUN 2015